



RESOLUSI

MAWQIF

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

4 APRIL 2026



HUBUNGI KAMI:

Admin Sistem

Info@multaqaalmaarif.com

RESOLUSI

MAWQIF

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

4 APRIL 2026

BARISAN FELO SISTEM

MULTAQA AL-MA'ARIF POINT

BUTIRAN

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

Hari : Sabtu

Tarikh : 4 April 2026

Waktu : 21:30 – 23:02

Platform : Dalam talian, Streamyard

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	3
Kata Alu-Aluan Ketua Eksekutif Felo	5
Petunjuk Mawqif:	7
Agenda 1:	
ISU MEMIJAK MUSHAF AL-QURAN AL-KARIM	8
Agenda 2:	
PENDIRIAN UMAT ISLAM: IRAN VS ISRAEL/AMERIKA SYARIKAT	10
Agenda 3:	
KENYATAAN MEMASTIKAN (JAZM) SESEORANG MATI SYAHID	14
Agenda 4:	
HUKUM PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT PADA HARI RAYA	17
Agenda 5:	
KAEDAH PENETAPAN BULAN HIJRI BAHARU	19
Agenda 6:	
MENGGABUNGKAN PUASA 6 SYAWAL DENGAN PUASA QADA'	20
Agenda 7:	
HUKUM BERMAIN MERCUN (KONTEKS: UMUM/HARI RAYA)	22
Agenda 8:	
SOALAN: ZAKAT FITRAH TAK SAH JIKA MAKAN BASMATHI	26
Agenda 9:	
HUKUM BAYAR ZAKAT BUAT PIHAK BUKAN TANGGUNGAN	27
Agenda 10:	
DERMA DARAH KETIKA BERPUASA, BATAL ATAU TIDAK	28
Agenda 11:	
STATUS HADITH TANDA-TANDA LAYLATUL QADAR	30
Agenda 12:	
ALTERNATIF HADITH DA'IF FADILAT BERSEDEKAH	31

Agenda 13:

DALIL SUAMI WAJIB MEMBERI PAKAIAN BAHARU SETIAP 6 BULAN 32

Agenda 14:

MUSAFIR NIAT JAMA' TA'KHIR & TIBA DI LOKASI LEBIH AWAL 34

Rujukan 35

KATA ALU-ALUAN KETUA EKSEKUTIF FELO SISTEM

Ketua Eksekutif Felo

BARISAN FELO SISTEM MULTAQA AL-MA'ARIF



**AL-USTAZ ABU MUSLIM
SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM**
FELO UTAMA
FELO KANAN (HADITH/AKIDAH)
CALON PHD HADITH, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Segala puji bagi Allah 'azza wa Jalla, Pencipta sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga Baginda ﷺ, para Sahabat dan orang yang mengikuti jejak langkah mereka dengan baik.

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Ilahi, saya merakamkan penghargaan atas penerbitan Resolusi Mawqif Mesyuarat Mawqif Bil. 01, yang menjadi manifestasi kesungguhan dalam meneliti, membahaskan dan merumuskan pendirian terhadap isu-isu semasa berteraskan disiplin ilmu yang sahih dan pendekatan yang berautoriti.

Resolusi ini bukan sekadar catatan perbincangan, bahkan merupakan natijah daripada proses ijtihad jama'i yang mempertimbangkan dalil-dalil syarak, realiti semasa serta maqasid yang seimbang. Ia diharapkan dapat menjadi panduan yang jelas kepada masyarakat serta rujukan yang diyakini dalam menghadapi pelbagai persoalan yang timbul.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa, para penyelidik, serta semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan mesyuarat ini. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan mencerminkan amanah besar dalam memelihara ketepatan ilmu dan kejelasan pendirian.

Akhir kata, semoga resolusi yang dihasilkan ini diberkati oleh Allah ‘azza wa Jalla, diterima sebagai amal soleh, serta memberi manfaat yang luas kepada umat. Mudah-mudahan segala usaha ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kecil dalam memperkukuhkan kefahaman agama dan membimbing masyarakat ke arah kebenaran.

Sekian, Jazākumullāh Khayrā.


SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM

PETUNJUK MAWQIF

MM : Mesyuarat Mawqif

01 : Bil. 01

01 : Mawqif ke-01

04 : Tarikh MM

04 : Bulan MM

26 : Tahun MM

KEPUTUSAN:

Barisan Felo memutuskan bahawa tidak boleh menetapkan seseorang Muslim yang meninggal sebagai syahid secara pasti melainkan terdapat dalil nas yang jelas menyatakan demikian.

Nombor Siri Mawqif:

MM/01/03 (04/04/26)

Penjelasan:

Doa kebaikan seperti dikurniakan syurga atau syahid atau keselamatan dunia dan akhirat hanya ditujukan khas kepada orang Islam. Adapun mendoakan kepada orang yang kafir dengan syahid, maka ini ditegah oleh agama.

Tegahan ini juga terpakai pada isu memastikan seseorang sebagai ahli syurga/ahli neraka dan yang semisalnya. Ada beberapa dalil yang penting untuk diambil perhatian dalam hal ini, antaranya:

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ، قَالَتْ دُعِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى جَنَازَةِ صَبِيٍّ مِنَ الْأَنْصَارِ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ طُوبَى لِهَذَا عُضْفُورٌ مِنْ عَصَافِيرِ الْجَنَّةِ لَمْ يَعْمَلِ الشُّوْءَ وَلَمْ يُدْرِكْهُ قَالَ أَوْعَيْرَ ذَلِكَ يَا عَائِشَةُ إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ لِلْجَنَّةِ أَهْلًا خَلَقَهُمْ لَهَا وَهُمْ فِي أَصْلَابِ آبَائِهِمْ وَخَلَقَ لِلنَّارِ أَهْلًا خَلَقَهُمْ لَهَا وَهُمْ فِي أَصْلَابِ آبَائِهِمْ

Maksud: “*Daripada Aisyah (Umm al-Mu’minin), beliau berkata: Rasulullah ﷺ pernah dipanggil untuk menghadiri satu jenazah seorang anak kecil daripada kalangan Ansar. Lalu aku berkata: “Wahai Rasulullah, beruntunglah dia, seekor burung kecil daripada burung-burung syurga; dia tidak pernah melakukan kejahatan dan tidak sempat melakukannya.” Baginda bersabda: “Bukankah selain daripada itu wahai Aisyah? Sesungguhnya Allah telah menciptakan penghuni syurga, Dia menciptakan mereka untuk syurga ketika mereka masih dalam sulbi (keturunan) bapa-bapa mereka. Dan Dia juga menciptakan penghuni neraka, Dia menciptakan mereka untuk neraka ketika mereka masih dalam sulbi bapa-bapa mereka.”*

(HR. Muslim dalam *al-Ṣaḥīḥ* no. 2662)

Demikian juga sebuah hadith yang diriwayatkan oleh ‘Umar bin al-Khaṭṭāb:

لَمَّا كَانَ يَوْمُ خَيْبَرَ أَقْبَلَ نَفَرٌ مِنْ صَحَابَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالُوا: فُلَانٌ شَهِيدٌ، فُلَانٌ شَهِيدٌ، حَتَّى مَرُّوا عَلَى رَجُلٍ، فَقَالُوا: فُلَانٌ شَهِيدٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَلَّا إِنِّي رَأَيْتُهُ فِي النَّارِ فِي بُرْدَةٍ عَلَّهَا أَوْ عَبَاءَةٌ، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا ابْنَ الْخَطَّابِ، اذْهَبْ فَتَادِ فِي النَّاسِ أَنَّهُ: لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَّا الْمُؤْمِنُونَ، قَالَ: فَخَرَجْتُ فَتَادَيْتُ: أَلَا إِنَّهُ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ إِلَّا الْمُؤْمِنُونَ

Maksud: “Ketika hari Perang Khaibar, sekumpulan daripada para sahabat Nabi ﷺ datang lalu berkata: Si fulan syahid, si fulan syahid, sehingga mereka melalui seorang lelaki, lalu mereka berkata: Si fulan syahid. Maka Rasulullah ﷺ bersabda: Tidak! Sesungguhnya aku melihatnya di dalam neraka kerana sehelai kain burdah yang dia ambil secara tidak sah (ghulul). Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda: Wahai Ibn al-Khattab, pergilah dan umumkan kepada الناس (orang ramai) bahawa: Tidak akan masuk syurga melainkan orang-orang yang beriman. Umar berkata: Maka aku pun keluar dan menyeru: Ketahuilah, sesungguhnya tidak akan masuk syurga melainkan orang-orang yang beriman.

(HR. Muslim dalam *al-Sahīh* no. 2662)

‘Umar juga pernah berkata dalam khutbahnya:

وَأُخْرَى تَقُولُوهَا لِمَنْ قُتِلَ فِي مَغَازِيكُمْ أَوْ مَاتَ: قُتِلَ فُلَانٌ شَهِيدًا، وَمَاتَ فُلَانٌ شَهِيدًا، وَلَعَلَّهُ أَنْ يَكُونَ قَدْ أَوْقَرَ عَجْرَ دَابَّتِهِ، أَوْ دَفَّ رَاحِلَتِهِ ذَهَبًا، أَوْ وَرِقًا يَلْتَمِسُ التِّجَارَةَ، لَا تَقُولُوا ذَاكُمْ، وَلَكِنْ قُولُوا كَمَا قَالَ النَّبِيُّ، أَوْ كَمَا قَالَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " مَنْ قُتِلَ أَوْ مَاتَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَهُوَ فِي الْجَنَّةِ

Maksud: “Dan satu lagi, apa yang kamu ucapkan kepada orang yang terbunuh dalam peperangan kamu atau yang meninggal dunia: Si fulan mati syahid, Si fulan mati syahid. Padahal boleh jadi dia telah memuatkan bahagian belakang tunggangannya (dengan harta), atau membawa kenderaannya dengan emas atau perak untuk tujuan berniaga. Maka janganlah kamu mengatakan demikian, tetapi katakanlah sebagaimana yang dikatakan oleh Nabi ﷺ, atau sebagaimana yang disabdakan oleh Muhammad ﷺ: “Barang siapa yang terbunuh atau meninggal dunia di jalan Allah, maka dia berada di dalam syurga.”

(HR. Ahmad dalam *al-Musnad* no. 285)

Hadith ini sahih menurut al-Arna’ūt. Menetapkan seseorang sebagai syahid atau ahli syurga dan yang semisalnya memerlukan dalil yang jelas. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* menetapkan nasib seseorang di akhirat sesuai dalil al-Quran dan al-Sunnah.

Cadangan:

Barisan Felo mencadangkan agar umat Islam berhati-hati dalam penentuan apa apa isu yang berkaitan dengan perkara ghaib. Isu ini hendaklah dirujuk semula dalam nas al-

Quran dan al-Sunnah. Jalan yang terbaik untuk kita adalah mendoakan kebaikan buat muslim yang terlibat tersebut seperti semoga Allah mengurniakan syahid buatnya.

